

**INSTITUSI<sup>2</sup> KEWANGAN DIGESA BERI BANTUAN**

---

# **Simpatilah pada usahawan bumiputera – PM**

*Renungan*

“TETAPI kamu semua lebih mengutamakan kehidupan dunia pada hal kehidupan di akhirat itu lebih baik dan lebih kekal.” — Maksud Al-Quran/ Al-A’la 16-17.

UM 14 JUL 1987

## GESA BANTU USAHAWAN BUMIPUTERA

**KUALA LUMPUR 13 Julai** — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa institusi - institusi kewangan tempatan supaya lebih bersimpati kepada masalah - masalah yang dihadapi oleh para usahawan bumiputera dan memberikan bantuan di mana yang mungkin.

Beliau bagaimanapun mengingatkan usahawan - usahawan bumiputera itu supaya menukar sikap dan tidak bergantung sangat kepada kerajaan. Para usahawan bumiputera juga, katanya, perlu lebih berhati-hati dalam mengurus kewangan mereka. Perdana Menteri berkata demikian selepas mempengerusikan satu dialog dengan perwakilan 36 orang usahawan bumiputera dari Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia (DPPMM) di Bank Negara hari ini. Dialog yang berlangsung kira-kira empat jam itu dihadiri sama oleh Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datin Paduka Rafidah

Aziz, Timbalan Menteri Kewangan, Senator Farid Ariffin dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein. Dialog ini juga dilihat sebagai lanjutan kepada keputusan yang dibuat oleh Encik Daim baru-baru ini bahawa Bank Negara akan mengkaji masalah - masalah yang dihadapi oleh para usahawan bumiputera.

Perdana Menteri dalam menggesa institusi - institusi kewangan membantu para usahawan bumiputera juga meminta diwujudkan prosedur-prosedur untuk unit pemulihan khas ke arah usaha tersebut.

Beliau juga meminta institusi - institusi kewangan memberi latihan yang lebih kepada kakitangan dan para pegawai kreditnya dalam mengkaji semula masalah - masalah yang sedang ditanggung oleh para usahawan bumiputera.

"Bagi pihak kerajaan, kita akan mengkaji cadangan - cadangan yang dikemukakan termasuk program - program dan prosedur - prosedur untuk membantu para usahawan bumiputera," kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu kenyataan yang

### LIHAT MUKA 6

dikeluarkan oleh Bank Negara.

Kenyataan itu juga memberitahu, dialog tersebut telah menimbangkan cadangan DPPMM supaya pembayaran balik pinjaman ditangguhkan selama dua tahun dan pewujudan tabung pusingan khas untuk membantu usahawan - usahawan bumiputera yang menghadapi masalah.

Mesyuarat itu juga membincangkan supaya dikaji semula cadangan undang - undang Bab 11 yang dilaksanakan di Amerika Syarikat di mana mahkamah mengeluarkan perintah kepada institusi kewangan supaya tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap seseorang usahawan yang gagal membayar balik pinjaman.

Sebaliknya, di bawah undang - undang itu, institusi kewangan itu akan bekerjasama dengan usahawan berkenaan untuk memulihkan perniagaannya sehingga ia mampu semula membayar balik pinjaman. Cadangan mewujudkan Bab 11 ini dalam sistem perundangan Malaysia pernah diutarakan oleh Presiden DPPMM, Dr. Nawawi Mat Awin tidak lama dahulu sebagai salah satu usaha untuk membantu para usahawan yang menghadapi masalah membayar balik pinjaman bank mereka.

Lain-lain perkara yang dibincangkan dalam dialog itu ialah pengkajian semula prosedur-prosedur tender untuk mempercepatkan bayaran kepada usahawan bumiputera.

Sementara itu, beberapa orang usahawan bumiputera yang dihubungi hari ini menyifatkan dialog yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri itu sebagai tepat pada masanya.

Mereka juga berkata kesediaan Perdana Menteri dan menteri - menteri kanannya serta wakil-wakil dari institusi - institusi kewangan menyertai dialog tersebut menunjukkan kerajaan peka kepada masalah serius yang dihadapi oleh para usahawan bumiputera. Mereka juga melahirkan harapan agar segala masalah yang diluahkan dalam dialog itu akan mendapat tindakan segera dari kerajaan serta pihak-pihak yang terlibat. Seorang usahawan bumiputera yang tidak mahu namanya disebut berkata, gesaan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad supaya institusi - institusi kewangan lebih bersimpati kepada masalah para

usahawan bumiputera adalah amat dihargai. "Dalam kemelesetan ekonomi ini, ada institusi kewangan yang tidak mahu langsung bertolak ansur dalam soal pembayaran balik pinjaman sehingga menyebabkan ada yang terpaksa menggulung tikar," kata usahawan itu.

Lain-lain yang hadir dalam dialog tersebut ialah wakil-wakil dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, MARA, Bank Pembangunan (M) Bhd., Syarikat Jaminan Kredit (CGC), Bank Rakyat, Persatuan Bank-Bank Malaysia, Persatuan Syarikat - Syarikat Kewangan Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia. Perwakilan DPPMM diketuai oleh presidennya, Dr. Nawawi mat Awin. Para usahawan yang hadir terlibat dalam pelbagai bidang termasuk pemajuan hartanah, industri balak dan syarikat - syarikat bas.